



Rujukan : UKM3.1/224/8
Tarikh : 17 Julai 2013

PEKELILING BENDAHARI BIL 13/2013

Kepada Semua Pelajar Tajaan PTPTN

Saudara/i,

PERUBAHAN KAEDAH BAYARAN YURAN PENGINAPAN MULAI SEMESTER 1 SESI 2013/2014 BAGI PELAJAR TAJAAN PTPTN


Merujuk kepada perkara diatas adalah dimaklumkan bahawa mulai Semester 1 Sesi 2013/2014 potongan yuran penginapan tidak akan dibuat semasa pelajar menerima amaun tajaan daripada PTPTN sepertimana yang telah dibuat sebelum ini.

Perubahan ini dibuat kerana jumlah yuran penginapan yang dipotong sebelum ini adalah merupakan anggaran sahaja kerana pelajar belum mendaftar di kolej. Apabila jumlah sebenar diketahui penyelarasan perlu dibuat terhadap yuran penginapan berkenaan dan ini menimbulkan kekeliruan dikalangan pelajar.


Sehubungan dengan itu pelajar dikehendaki membayar sendiri yuran penginapan berkenaan. Terdapat pelbagai kaedah bayaran boleh dibuat yang disediakan oleh universiti, para pelajar diminta merujuk panduan terperinci bayaran yuran dalam laman web epelajar.

Sekian terima kasih.

Yang Benar


MOHD ABD RASHID BIN MOHD FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
 - Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
 - Semua Dekan/Pengarah/Ketua
 - Pendaftar
 - Pengetua-Pengetua Kolej
 - Presiden PMUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779